

<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO
Tarikh: 20/2/2011
Hari: Khamis
M/S: 8
Ruangan: SEMASA

Graduan UUM terima ijazah selepas banjir

SINTOK - Penantian 633 graduan **Universiti Utara Malaysia (UUM)** selama lebih dua bulan untuk naik ke pentas bagi menerima ijazah tiba ke penghujungnya apabila majlis konvokesyen yang ditangguhkan akibat banjir diadakan semalam.

Konvokesyen khas bagi menggantikan Majlis Konvokesyen ke-23 Sidang Kedua bagi Sesi Kelima dan Keenam itu berlangsung meriah di Dewan Mu'adzam



Shah UUM di sini dari pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari. • Kesemua graduan menerima ijazah masing-masing daripada Pro Canselor UUM, Tun Dr. Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, Turut hadir, Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Penganugerahan melibatkan graduan daripada Kolej Sastera dan Sains UUM (UUM CAS) serta Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian

Antarabangsa UUM (UUM COLGIS). Mereka merupakan sebahagian daripada 1,373 penuntut yang memberi maklum balas untuk hadir pada majlis konvokesyen.

Sementara itu, graduan Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian yang memperoleh Kelas Pertama, Samsia Samsi, 26, bersyukur kerana kejayaannya masih dapat dirai pada majlis konvokesyen walaupun tanpa kehadiran ibu bapanya.

"Ibu bapa saya tidak dapat datang

kerana mungkin masih fobia dengan banjir yang melanda Kedah ketika tiba di sini untuk majlis konvokesyen sebenar pada 2 November tahun lalu.

"Mereka sampai sehari awal di sini dari Kuala Lumpur tetapi terpaksa pulang kerana majlis konvokesyen ditangguh," katanya.

Beliau yang menerima purata nilai gred kumulatif (CGPA) 3.68 memberitahu rasisia kejayaannya adalah niat dan tekad yang dipegangnya setiap masa untuk bergelar pelajar cemerlang.



SAMSIA